

Memahami skop perpaduan lebih luas

UM - 29/11/2021 mlb: 3

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan diberi tanggungjawab membawa Keluarga Malaysia memahami makna perpaduan dalam skop lebih luas dan inklusif berteraskan Rukun Negara di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dilancarkan sebagai usaha mengembalikan semula hasrat asal tentang perpaduan dalam lima prinsip Rukun Negara.

Menurut beliau, Rukun Negara adalah dokumen asas tataraca kehidupan bermasyarakat warga Malaysia yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 bertujuan membina perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum berlandaskan kesepaduan dan keharmonian antara kaum.

Justeru, kata Perdana Menteri, Kementerian Perpaduan akan memandu Keluarga Malaysia untuk ke arah negara mencapai matlamat tersebut.

"Pelan ini dirangka sesuai dengan program mengikut keupayaan institusi di peringkat pusat, negeri dan akar umbi. Ini mampu memanfaatkan program pendidikan, ekonomi, kebajikan, sosio-budaya, sains, teknologi dan inovasi," kata beliau ketika merasmikan pelancaran Pelan



DARI kiri, Chee Wee Sen, A.Yogeswary, Eryssa Ardilla Azmi dan Lilian Suiking melihat Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 selepas majlis perasmian di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 di ibu negara semalam.

Turut hadir Menteri Perpaduan, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, pelan tindakan tersebut bukan pelan yang tertulis di atas kertas semata-mata, sebaliknya

satu modus operandi yang terancang berlandaskan lima strategi penting.

"Lima teras strategik itu adalah memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan; membentuk masyarakat menghargai dan mengamalkan perpaduan, memperkasakan sosioekonomi

yang adil dan saksama

"Teras strategik keempat adalah menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan dan teras kelima membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi," kata Perdana Menteri.